

10 JUL 2003

Mahathir-Dialog/I (Bergambar)

JANGAN ABAIKAN AGAMA DALAM MENGEJAR ILMU PENGETAHUAN - DR MAHATHIR

PUTRJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam tidak harus bongkak dan melupakan agama mereka dalam usaha mendapatkan ilmu pengetahuan.

Sebaliknya, ilmu pengetahuan harus mengukuhkan lagi kepercayaan mereka terhadap Islam dan Allah, kata Perdana Menteri pada sesi dialog dengan para peserta selepas beliau merasmikan Multaqa Ulama Sedunia di sini, hari ini.

"Apabila kita mempelajari subjek-subjek ini (seperti sains), kita tidak harus lupakan agama kita. Kita tidak harus menjadi bongkak dan mengatakan bahawa kita tahu tentang segala-galanya, kita boleh atasi segala-galanya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata orang Barat umpamanya sanggup mengatakan bahawa mereka tidak perlukan agama lagi kerana berpendapat mereka tahu tentang segala-galanya.

"Mereka rasa mereka boleh melakukan apa sahaja, tidak perlu ada agama dan tidak perlu ada Tuhan kerana mereka mempunyai pengetahuan, jika mereka mahu ke bulan, mereka terbang ke bulan, mereka tidak perlu berdoa seperti yang kita lakukan di sini, mereka terus naik kapal angkasa dan terbang ke bulan," katanya.

Dr Mahathir berkata itu adalah pemikiran sempit kerana sains, contohnya, hanya menjawab persoalan mengenai bagaimana sesuatu perkara itu berlaku dan bukannya mengapa ia berlaku.

Sambil memberikan formula mudah mengenai bagaimana gabungan dua hidrogen dan satu atom oksigen boleh menjadi air (H₂O), Dr Mahathir berkata saintis bagaimanapun tidak dapat menjawab mengapa ia menjadi demikian dan bukannya kerana gabungan elemen-elemen lain.

"Sudah tentu apabila mereka sampai ke peringkat itu, mereka berkata ia adalah semulajadi. Dan apabila kami bertanya kepada mereka apa itu semulajadi, tidak ada yang menjawab.

"Oleh itu dengan adanya Pencipta, adanya Tuhan, adanya Allah yang mencipta semua perkara ini dan semua penjelasan mengenai mengapa perkara-perkara yang berlaku, anda akan berada di peringkat di mana anda perlu berkata 'saya tidak tahu', ia adalah semulajadi dan malah ia adalah Allah, adalah Tuhan, Tuhan yang kita sembah, yang menciptakan segala-galanya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata perkara-perkara yang berlaku juga adalah mengikut kehendak Allah, dan manusia harus mengakui bahawa ada kuasa yang lebih besar yang tidak dapat difahami manusia dan dijelaskan segala-galanya mengenai bumi.

Oleh itu, katanya mempunyai ilmu pengetahuan mengenai Sains akan mengukuhkan lagi kepercayaan seseorang terhadap agama dan Allah.

"Ia hanya dengan mengakui secara rendah diri bahawa terdapat kuasa yang lebih besar daripada kita bagi kita menjadi manusia sebenar dengan perasaan yang dianggap sebagai berperikemanusiaan terhadap yang lain.

"Apa yang menjadi masalah dunia masa kini ialah ia adalah dunia tanpa Tuhan, penduduknya telah mengetepikan agama," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun sesetengahnya kembali kepada agama, mereka sebaliknya menjadi terlalu fanatik dan menyalah tafsir agama mereka.

"Bukan Islam sahaja yang telah disalahtafsirkan, Kristian juga disalah tafsir oleh fundamentalis Kristian dan begitu juga Yahudi, mereka turut menyalah tafsirkan agama mereka. Akibat semua salah tafsiran ini, kita menghadapi konflik seperti yang dapat dilihat sekarang," kata beliau.

Umat Islam, katanya harus memperkenalkan pendekatan baru bagi ilmu pengetahuan dengan menetapkan pendirian dan sikap yang berbeza daripada Barat.

"Kita harus menganggap ilmu pengetahuan sebagai satu pemberian Tuhan kepada kita dan kita harus mendapatkannya kerana ia adalah cara bagi kita mempunyai kehidupan lebih baik di dunia ini serta akhirat, selain dapat mempertahankan ummah dan mencegah Islam daripada diaibkan dan dipandang rendah oleh pihak lain," kata Perdana Menteri.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata perlu ada keseimbangan antara fardu ain dan fardu kifayah kerana tanpanya, umat Islam mungkin tidak mempunyai kapasiti untuk mempertahankan diri mereka.

"Sudah sekian lama kita menekankan mengenai fardu ain, yang merupakan amalan untuk diri kita sendiri dan bukannya untuk ummah. Bagi Islam, fardu kifayah juga penting kerana sebagai ummah yang tidak mempunyai kapasiti untuk mempertahankan dirinya, ia adalah berdosa," kata beliau.

Dr Mahathir berkata apabila umat Islam memberikan tumpuan hanya kepada pengetahuan agama sahaja, mereka sebenarnya tidak menunaikan tanggungjawab kepada ummah.

Menurutnya untuk mempertahankan masyarakat Islam, pengeluaran senjata dan logistik mungkin wajar dan untuk itu, umat Islam perlu mempelajari sains.

"Adalah penting mempelajari tentang agama kita supaya kita mendapat interpretasi yang tepat mengenai agama kita.

"Adanya interpretasi yang melampau... yang menurut pemikiran kita, ia adalah salah. Apabila kita mendapat interpretasi yang tepat mengenai Islam, kita akan memperolehi asas yang kukuh. Hari ini, kita perlu mempunyai ilmu pengetahuan kerana ia akan memainkan peranan besar dalam membangunkan diri kita sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir berkata umat Islam juga perlu menetapkan matlamat dalam mendapatkan ilmu pengetahuan.

Sambil memberi contoh bagi salah interpretasi itu, Dr Mahathir berkata ada rakyat Malaysia yang belajar di luar negara mahu menjadi lebih alim daripada penduduk tempatan sendiri.

"Jika ulama-ulama menekankan mengenai pentingnya mendapatkan ilmu "fardu kifayah", dengan itu kita tidak menghadapi masalah untuk memberi penekanan kepada perkara ini," katanya.

-- BERNAMA

NM RT AZZ NAK